

BANTE^{RAS}

KEBEBASAN KETELUSAN PROFESIONAL

*Badan-Badan
Pemantau Bebas*

*Ikrar Integriti
Korporat*

*Persepakatan
Integriti*

*Meningkatkan
Profesionalisme
Dalam SPRM*

*Program Pegawai
Integriti Bertauliah
(Cel0)*

*Sistem Tapisan
Keutuhan Elektronik*

LAPORKAN SEBARANG AKTIVITI RASUAH ATAU PENYALAHGUNAAN KUASA KEPADA KAMI
ANDA BOLEH LAKUKAN PERUBAHAN
PERANGI RASUAH





03 | Nota Pengarang



04-05 | Badan-Badan Pemantau Bebas SPRM Telus dan Bebas dalam Melaksanakan Tanggungjawabnya



06 | Persepakatan Integriti
Mencegah Rasuah dalam Perolehan Kerajaan



07 | Ikrar Integriti Korporat (CIP)
Warga Korporat Turut Memerangi Rasuah



08-10 | Rumusan IAACA : Komen - Komen Speaker



11 | Indeks Persepsi Rasuah
Antara Persepsi dan Realiti



12-13 | Bukan Semua Boleh Telus



14 | Bersama Panel
Meningkatkan Profesionalisme dalam SPRM




16 | Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik (e-STK)



17 | Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
Membina Integriti dan Rasa Hormat Terhadap Nilai-Nilai Murni di Tempat Kerja



18 | Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR-IPT)
Memupuk Budaya Anti Rasuah di dalam Belia Kita



19 | Statistik Tangkapan
Januari hingga Oktober 2012



20 | SPRM Kukuhkan Kerjasama dengan Biro Mencegah Rasuah Brunei (BMR)



21 | Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
Meningkatkan Keupayaan dan Profesionalisme Pengamal Anti Rasuah Seluruh Dunia



23-24 | Di Mahkamah Pegawai-Pegawai Pendakwa SPRM Mendakwa Pesalah-Pesalah Rasuah



25 | Sokongan Ahli Politik Kepada SPRM Sangat Penting



27 | Yang Menarik



28 | Langkah Anti Rasuah Felda Dipuji



29 | Sistem Ganjaran Kepada Kontraktor Cegah Rasuah Di Kalangan Petugas SPNB



30 | Rasuah Cemari Liga Bola Sepak Malaysia

Nota Pengarang

Memastikan SPRM Sentiasa BEBAS, TELUS dan PROFESIONAL

RM276 juta yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pembentangan Bajet 2013 di Parlimen baru-baru ini dan langkah meningkatkan tenaga kerja SPRM dengan penambahan 5000 pegawai melalui program pengambilan tahunan seramai 150 anggota mencerminkan sokongan kerajaan yang tidak berbeza bahagi dalam usaha membanteras rasuah.

Peruntukan ini sedikit sebanyak membantu dalam mempertingkatkan dan memperbaiki kepakaran penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan sekali gus mengubah SPRM menjadi agensi anti rasuah yang benar-benar cekap dan profesional seiring dengan Program Transformasi Kerajaan.

Di bawah pengawasan daripada ahli-ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Kajian Operasi, dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah yang berwibawa, SPRM akan kekal BEBAS, TELUS, dan PROFESIONAL.

Kolaborasi Jabatan Peguam Negara (JPN) dan SPRM dalam melaksanakan langkah-langkah proaktif ke arah mencegah amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Langkah-langkah ini termasuk Pakatan Integriti (IP) dalam Perolehan Kerajaan, Ikrar Integriti Korporat (CIP), pelantikan Ketua Pegawai Integriti (CeIO), Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik (e-STK).

Di peringkat global, SPRM berjaya mempertingkatkan rangkaian antarabangnya dengan memainkan peranan aktif dalam banyak program yang dianjurkan oleh Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC). Ini termasuk diberi penghormatan menjadi tuan rumah Persidangan dan Mesyuarat Agung 'International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA)' ke-6 yang berlangsung dari 4 - 7 Oktober 2012, bertemakan 'Technical Assistance and Information Exchange', persidangan tersebut merupakan platform terbaik bagi mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa anti rasuah antarabangsa.

Rasuah merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara. Ia mencemarkan nilai-nilai moral dan melemahkan kestabilan kewangan negara. Justeru, SPRM akan menjalankan segala usaha secara konsisten dan berkesan dalam matlamatnya untuk membanteras rasuah dan menerapkan budaya benci rasuah kepada setiap lapisan masyarakat Malaysia.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut menjalankan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Sarjana Sains dalam Pengurusan Jenayah Ekonomi dengan HELP University.

Di samping itu, SPRM telah berjaya mempromosi penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi. Cadangan ini telah dikemukakan kepada kementerian-kementerian yang berkaitan untuk menubuhkan urusetia di Institusi Pendidikan Guru di seluruh negara serta menggabungkan elemen-elemen integriti dan pencegahan rasuah di dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah.

Di bawah program 'Kempen Perangi Rasuah Melalui Teksi', pemandu-pemandu teksi di Lembah Klang telah dilantik sebagai 'Duta Anti Rasuah'. Bermula September 2012 mereka akan memaparkan iklan anti rasuah di kenderaan masing-masing selama tiga bulan.

Akhir kata, ukuran sebuah negara yang maju dan berdaulat bukan hanya terletak pada pembangunan ekonomi dan kemajuan teknikal semata-mata, ia juga bergantung kepada moral, integriti dan ketelusan pemimpinnya secara khusus dan rakyatnya secara am.



TPj Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil
Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Di bawah pengawasan daripada ahli-ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Kajian Operasi, dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah yang berwibawa, SPRM akan kekal BEBAS, TELUS, dan PROFESIONAL.

SIDANG REDAKSI

Penerbit
Datuk Seri Abu Kassim Mohamed

Penasihat Eksekutif
Datuk Sutinah Sutan

Penerbit Eksekutif
Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil

Ketua Pengarang
Samsul Hj Salip

Pengarang
Muhammad Yusof Bahir

Pengarang Bersekutu
BERNAMA

Wartawan
Mohamad Tarmizie Abdul Manaf
Muhamad Shariffuddin Shaari
Faridah Mahabob
Mohd Azhar Ibrahim (BERNAMA)

Unit Foto
Rosman Abu Bakar
Ahmad Faiz Md Isa
BERNAMA

BADAN-BADAN PEMANTAU BEBAS

Memastikan SPRM Telus dan Bebas dalam Melaksanakan Tanggungjawabnya

Semua prosedur operasi SPRM dipantau oleh lima badan pemantau bebas yang terdiri dari:



Panel Penilaian Operasi

Fungsi-fungsi:

- Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkan Kertas Siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang mana tempoh siasatan melebihi tempoh 12 bulan;
- Menerima laporan daripada Suruhanjaya berhubung semua kes di mana Orang Yang Ditangkap yang dilepaskan dengan jaminan oleh Suruhanjaya melebihi 6 bulan;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung keputusan-keputusan Kertas Siasatan yang telah diperolehi dari Pendakwa Raya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang dikemukakan kepada Pendakwa Raya dan tidak mendapat apa-apa keputusan selepas tempoh melebihi 6 bulan ke atas;
- Memberi pendapat berhubung tindakan-tindakan ke atas kes-kes yang diputuskan untuk tidak dituduh;
- Menasihati dan membantu Suruhanjaya ke arah keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan PPO kepada Y.A.B. Perdana Menteri berhubung dengan perjalanan operasi siasatan Suruhanjaya.



Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah

Fungsi-fungsi:

- Menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Memeriksa Laporan Tahunan Suruhanjaya;
- Memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta ; dan
- Mendapatkan penjelasan dan penerangan daripada Suruhanjaya mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.



Jawatankuasa Aduan

Fungsi-fungsi:

- Memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya; dan
- Mengenalpasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Terdapat lima badan pemantau bebas yang memantau, menyelia dan menasihati Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menjalankan tanggungjawabnya. Ahli entiti ini terdiri dari rakyat Malaysia yang berprofil tinggi dan dihormati oleh mana-mana pihak politik, mempunyai reputasi baik dan dilantik di bawah Akta SPRM sebagai penasihat bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM.



Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah

Fungsi-fungsi:

- Menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya membanteras rasuah;
- Menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- Meneliti dan menyokong keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanan;
- Meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas untuk Rasuah
- Mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.



Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)

Fungsi-fungsi:

- Meneliti dan memperakukan kepada Suruhanjaya bidang tumpuan (priority areas) amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang mempunyai ruang dan peluang untuk jenayah rasuah berkembang;
- Meneliti dan menambah baik laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta;
- Membentuk dan menggubal amalan terbaik (best practices) dalam bidang-bidang tumpuan dari semasa ke semasa;
- Menasihati Suruhanjaya berhubung pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan mereka;
- Meneliti keberkesanan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan memperakukan cadangan penambahbaikan;
- Memantau dari semasa ke semasa sikap dan persepsi umum masyarakat terhadap rasuah dan usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Membantu Suruhanjaya sebagai 'key communicator' dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah oleh Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan PPPR kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan pencapaian aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

PERSEPAKATAN INTEGRITI

Mencegah Rasuah dalam Perolehan Kerajaan

Persepakatan Integriti (IP) dalam perolehan kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam memerangi rasuah. IP menggalakkan ketelusan dalam proses perolehan kerajaan yang melibatkan pengeluaran lesen, permit, konsesi, dan dalam memilih atau melantik pembekal-pembekal aset-aset awam dan korporat.

Agensi-agensi kerajaan dikehendaki memasukkan klausa Pencegahan Rasuah dalam semua dokumen-dokumen perolehan mereka. Usaha ini dapat menghapuskan sebarang peluang untuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam proses tersebut.

Bagaimana IP Dilaksanakan

Apabila pembida menerima satu jemputan rasmi untuk menyertai

satu penyerahan tender bagi membekalkan apa-apa kerja atau perkhidmatan kepada sebuah agensi kerajaan, pembida tersebut dikehendaki menandatangani satu Surat Auan Pembida dan berikrar bahawa dia tidak akan memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan kontrak.

Bersama-sama dokumen Tender, pembida juga dikehendaki melampirkan Kod Tatakelakuan dan Program Pematuhan Kod Tatakelakuan syarikat yang perlu dipatuhi semua kakitangan syarikat.

Bagi pihak agensi kerajaan pula, penjawat awam yang terlibat dengan perolehan tersebut baik secara langsung atau tidak, perlu menandatangani Surat Auan dan berikrar tidak akan mengamalkan sebarang rasuah atau penyalahgunaan kuasa. Syarat

yang sama juga dikenakan kepada semua ahli Jawatankuasa atau Lembaga Perolehan Kerajaan.

Ringkasnya, kedua-dua pihak (pembida dan kerajaan) perlu mengisytiharkan komitmen masing-masing secara rasmi untuk tidak membabitkan diri dalam rasuah atau menyalahgunakan kuasa yang telah diamanahkan kepada mereka.

Kredibiliti

Sepertimana Indeks Persepsi Rasuah (CPI), persepsi terhadap sistem perolehan sesebuah negara itu akan mencerminkan keadaan pentadbiran di negara berkenaan. Dengan Pelaksanaan Persepakatan Integriti dalam perolehan kerajaan ianya akan dapat membantu meningkatkan keyakinan dalam perkhidmatan awam.

IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP)

Warga Korporat Turut Memerangi Rasuah



Pemimpin-pemimpin korporat di pelancaran Ikrar Integriti Korporat di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Ikrar Integriti Korporat (CIP) merupakan inisiatif yang dimajukan bersama oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), Transparency International – Malaysia (TI-M) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ianya merupakan inisiatif bersama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas rasuah khususnya di kalangan syarikat perniagaan dan institusi kewangan di negara ini.

Dengan menandatangani CIP, syarikat berkenaan mengisytiharkan bahawa ia akan berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang bebas dari rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Berikut merupakan lima prinsip dalam CIP:

- **MEMPROMOSIKAN** integriti, nilai-nilai ketelusan dan tadbir urus

yang baik

- **MEMPERKUKUHKAN** mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah

- **PEMATUHAN** undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah

- **MEMBANTERAS** sebarang bentuk amalan rasuah

- **MENYOKONG** inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Dengan adanya ikrar seumpama ini, maka wujud satu lagi pembaharuan dalam sektor awam, di samping adanya penambahbaikan berterusan dalam sektor swasta ke arah memacu pembangunan dan menarik keyakinan pelabur asing ke negara ini.

Walaupun menandatangani ikrar ini bukanlah satu paksaan, namun setiap syarikat yang bersetuju menyatakan sokongannya akan memastikan bahawa syarikat mereka tidak akan terlibat dengan amalan rasuah.

Pada Oktober 2011, sebanyak 45 perbadanan telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat. Genap setahun kemudian, angka ini telah meningkat kepada 154.



RUMUSAN IAACA : Komen - Komen Speaker

SPRM telah menganjurkan Persidangan Tahunan dan Mesyuarat Agung 'International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA)' dari 4 hingga 7 Oktober baru-baru ini. Persidangan ini dihadiri oleh 300 organisasi dari 170 negara yang terdiri daripada individu yang merupakan pendakwa, penyiasat dan pakar-pakar yang mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan amalan anti rasuah.

Berikut merupakan sepatah dua kata tentang usaha menangani rasuah di negara ini:

"Pendekatan pendidikan melalui pelajar sekolah dan pembangunan kapasitinya merupakan strategi anti rasuah SPRM yang terbaik dan bertaraf dunia. Persidangan IAACA kali ini adalah salah satu persidangan terbaik yang pernah saya hadiri".

Michael Symons,
Pengarah Urusan, Perunding Anti-Rasuah Australia



"Perjuangan menentang rasuah merupakan usaha jangka panjang yang merangkumi perubahan nilai dan etika dalam budaya rakyat Malaysia".

Micheal J. Hershman,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Fairfax Group

"Kerajaan Malaysia telah memainkan peranan sebagai pemimpin dalam usaha pencegahan rasuah - kebanyakan inisiatifnya sangat berinovatif"

Dimitri Vlassis
Ketua Cawangan Rasuah dan Jenayah Ekonomi,
Bahagian Hal Ehwal Perjanjian, Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Dadah dan Jenayah (UNODC)



"Tindak tanduk pegawai-pegawai SPRM diawasi oleh lima badan pemantau bebas yang sentiasa mengawasi, menyelia dan mengkritik kerja yang dilakukan bagi memastikan ianya dilakukan pada tahap terbaik. Pencapaian SPRM sejak lebih 10 tahun lalu adalah sangat cemerlang, saya yakin SPRM berupaya menetapkan penanda aras bagi usaha-usaha anti rasuah di rantau ini"

Michel Girodo – Bekas Pakar Rasuah INTERPOL, Amerika Syarikat

"SPRM sememangnya merupakan salah satu pemeraju memerangi rasuah di rantau ini. Suruhanjaya ini mengambil langkah demi langkah secara taktikal dan selaras. Saya percaya anda tidak akan berjaya melakukan perubahan yang signifikan sekiranya anda tidak bertindak seperti SPRM. Saya sangat kagum dengan inisiatif yang dilakukan oleh SPRM"

Daniel Eric Stonecipher,
Penasihat Persatuan Guaman Amerika (Anti-Rasuah Serantau)



"Malaysia merupakan salah satunya negara yang mempunyai akademi anti rasuahnya sendiri di mana pihak berkuasa anti rasuahnya secara aktif bekerjasama dan berkongsi pengalaman dengan badan-badan berkuasa anti rasuah yang lain di peringkat global"

Martin Kreutner,
Jawatankuasa Eksekutif IAACA, Presiden, Eropah Partners bagi Rangkaian Rasuah (EPAC/EACN), Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa, Akademi Pencegahan Rasuah



"INTERPOL sentiasa menjalinkan hubungan kerjasama rapat dengan SPRM. Ketua Pesuruhjaya Datuk Seri Abu Kassim Mohamed telah banyak memberi sumbangan berterusan terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh INTERPOL Expert Group dalam menghasilkan garis panduan Amalan-Amalan Baik anti rasuah dan mendapatkan semula aset"

Jaganathan Saravanasamy,
Penolong Pengarah, Anti-Rasuah Sub Direktori, Pertubuhan Polis, Jenayah Antarabangsa (INTERPOL)



Langkah-langkah Kepada Membanteras Rasuah Menunjukkan Hasil Positif - Muhyiddin

KUALA LUMPUR – Inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Malaysia bagi membanteras rasuah telah menunjukkan hasil positif dan ketara selain berkesan memenangi hati dan fikiran rakyat, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Hasil tinjauan Transparency International pada 2011 menunjukkan 49 peratus daripada rakyat Malaysia berpendapat bahawa usaha kerajaan memerangi rasuah adalah berkesan, berbanding hanya 29 peratus pada 2009.

“Saya yakin, jika diberi masa, Malaysia akan berjaya memerangi rasuah, dan menambah baik persepsi awam terhadap usaha kerajaan dalam mencegah rasuah,” katanya pada majlis penutup Mesyuarat Agung dan Persidangan ‘International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA)’ ke-6 baru-baru ini.

Antara inisiatif dan perubahan yang diperkenalkan kerajaan ialah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, penubuhan mahkamah khas rasuah, pelaksanaan Persepakatan Integriti, Ikrar Integriti Korporat dan pangkalan data ‘Name and Shame’.

Muhyiddin berkata kerajaan telah memperuntukkan RM276 juta dalam Belanjawan 2013 yang telah dibentangkan, untuk SPRM melaksanakan tugasnya. Beliau berkata rasuah adalah bencana global yang boleh membawa kesan buruk kepada negara miskin dan kaya, menjejaskan komitmen untuk

memelihara dan mengekalkan kemakmuran sosio-ekonomi.

Beliau menggesa kerajaan negara-negara anggota IAACA supaya terus bekerjasama, berkongsi pengalaman dan amalan terbaik bagi memudahkan pembangunan kapasiti yang lebih baik dalam memerangi rasuah dengan lebih berkesan.

“Dalam dunia bersifat global ini, kita tentu sekali tidak dapat memerangi rasuah secara bersendirian,” kata beliau. Pembangunan teknologi yang pesat dan komunikasi moden kini menyumbang kepada aktiviti rasuah yang lebih canggih, tambah beliau.

Muhyiddin berkata kerjasama antarabangsa seperti itu adalah perlu demi mempertingkatkan keupayaan dan kemampuan badan anti rasuah agar para pegawainya dilengkapi kemahiran, pengetahuan dan teknologi terkini dalam memerangi rasuah.

Menurut Muhyiddin, penerimaan sebulat suara 27-Perkara dalam Deklarasi Kuala Lumpur oleh peserta-peserta persidangan merupakan pencapaian penting dalam usaha bersama menangani ancaman rasuah.

KUALA LUMPUR – Malaysia berada di landasan betul dalam mewujudkan ‘halangan dan pencegahan’ asas dalam memerangi rasuah, kata Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Datuk Seri Idris Jala.

Beliau berkata hasil daripada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, penubuhan 14 Mahkamah Khas Rasuah dan penyiaran nama pesalah rasuah di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta usaha menambahbaik Kerangka Pembiayaan Politik, pengurangan 52 peratus lesen perniagaan tidak perlu; Ikrar Integriti Korporat; paparan kontrak kerajaan secara dalam talian; pemeteraian 132,459 persepakatan integriti dan inisiatif lain dalam laporan Ketua Audit Negara, amat menggalakkan berdasarkan kajian bebas yang dijalankan oleh Institut Integriti Malaysia, Frost & Sullivan dan Price Waterhouse Coopers.

Idris berkata Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Malaysia mengenai rasuah telah terbukti efektif dan oleh itu, berkongsi maklumat berkenaan dalam konvensyen seperti IAACA akan memberi manfaat kepada usaha memerangi rasuah global.

Hasilnya Indeks ‘Barometer Rasuah’ (CB) bagi Malaysia telah berubah daripada 48 peratus pada 2010 kepada 49 peratus tahun lepas, tambahnya.



INDEKS PERSEPSI RASUAH Antara Persepsi dan Realiti



Saya percaya CPI telah ketinggalan zaman disebabkan oleh perbezaan dan kerumitan yang membabitkan rasuah. Ianya mustahil diterjemahkan sebagai angka dalam satu senarai kedudukan kerana ia membawa tanggapan sesebuah negara lebih baik daripada yang lain. Setiap negara adalah berbeza dan hanya boleh dibandingkan dengan negaranya sendiri sahaja.”

Dimitri Vlasits
Ketua Cawangan Rasuah dan Jenayah Ekonomi, Bahagian Hal Ehwal Perjanjian, Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Dadah dan Jenayah (UNODC)

Apa itu Indeks Persepsi Rasuah?

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dikeluarkan oleh Transparency International (TI) berdasarkan pengumpulan kajian-kajian dan soal selidik yang dijalankan oleh pihak ketiga ke atas ahli-ahli perniagaan luar negara mengenai persepsi rasuah di negara yang mereka diami. Indeks ini mengkhususkan persepsi dan bukannya realiti tahap rasuah di negara terbabit.

Berdasarkan fakta ini, CPI dianggap tidak tepat kerana ia tidak menggambarkan keadaan sebenar. Ianya hanyalah persepsi yang tidak boleh dijadikan sebagai penanda untuk mengukur pencapaian atau kedudukan rasuah sesebuah negara.

Adakah Persepsi Tersebut Wajar?

Transparency International tidak mengumpul data sendiri sebaliknya mengitar semula kajian atau kerja yang dilakukan oleh organisasi-organisasi lain dalam membentuk indeks komposit untuk CPI. Jumlah kajian dan soalnya berbeza dan berubah setiap tahun dan dari negara ke negara. Malah kaedah dalam mengira CPI itu sendiri berbeza setiap

tahun. Disebabkan perbezaan tersebut, ramai pemimpin negara mempersoalkan ketepatan CPI. Mereka mahu CPI digantikan dengan sesuatu yang lebih konsisten. Malah Frederik Galtung yang merupakan pengarang bersama CPI sendiri bersetuju bahawa ianya memerlukan pembaikan menyeluruh.

Di antara kelemahan-kelemahan CPI yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Hanya menghukum pihak yang mengambil, bukan pihak yang memberi atau bersubahat;
2. Liputan yang tidak teratur dan tidak terkawal;
3. Sampel yang terlalu kecil;
4. Sumber-sumber yang tidak tepat dan kadang-kadang jahil;
5. Definisi rasuah yang sempit dan tidak tepat;
6. Tidak mengukur tren-tren; tiada markah bagi perubahan tulen; dan
7. Bersalah berdasarkan kaitan – menyumbang kebersyaran

Inisiatif Kerajaan

Menurut Presiden Transparency International Malaysia (TI-M) Datuk Paul Low, walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memerangi rasuah, kita tetap gagal memperbaiki skor CPI. Di manakah silapnya? Di antara kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Tanggungjawab untuk menaikkan skor CPI hanya diletakkan kepada SPRM, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan NKRA; Kumpulan sasaran merupakan golongan yang kurang mendapat penjelasan berhubung inisiatif Kerajaan;

Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pelaburan dalam dan luar negara mengangap memerangi rasuah bukan tanggungjawab mereka;

• Kesemua inisiatif masih diperingkat awal untuk menentukan kejayaannya;

• Media-massa memberikan terlalu banyak publisiti berhubung kes-kes rasuah seolah-olah rasuah amat berleluasa di negara ini;

• Perlakuan segelintir ahli-ahli politik dan NGO yang suka memburuk-burukkan Kerajaan di persada antarabangsa;

• Isu rasuah kerap dipolitikkan;

• Pengaruh media sosial

Cadangan Penambahbaikan CPI

Antara usaha-usaha yang boleh diambil untuk

menaikkan CPI adalah:

• Menganalisis secara menyeluruh ke atas 12 kajian yang digunakan oleh TI untuk menghasilkan CPI;

• Mengenal pasti permasalahan rasuah yang dikatakan berlaku, sektor-sektor yang terlibat, peraturan-peraturan yang berkaitan berdasarkan hasil kajian tersebut;

• Mengadakan dialog dengan institusi-institusi terlibat untuk mendapatkan gambaran dan penjelasan serta menjelaskan inisiatif-inisiatif yang telah diambil Kerajaan Malaysia;

• Semua agensi dan perwakilan Malaysia di luar negara perlu mempunyai dasar pen-erangan berhubung ketegasan kerajaan dalam memerangi rasuah;

• Mendekati NGO dan ahli-ahli akademik untuk menjelaskan peranan kerajaan dalam memerangi rasuah;

• Penyaluran maklumat menerusi Laporan Tahunan kepada agensi-agensi terlibat dan perwakilan Malaysia.

Hakikatnya semua pihak harus memainkan peranan masing-masing untuk memerangi rasuah dan meningkatkan CPI.



“Sungguhpun CPI dipertikaikan kesahihannya dan tidak mencerminkan keadaan sebenar permasalahan rasuah di negara ini, laporan persepsi kali ini adalah sebagai peringatan bagi menyedarkan dan menyuntik semangat kepada semua untuk berusaha dengan lebih gigih lagi bagi menjayakan usaha jangka panjang untuk membasmi rasuah dan melahirkan lebih ramai insan berhati mulia dan berjiwa luhur di dalam negara’

Tun Dr. Mahathir Mohamad



BUKAN SEMUA BOLEH TELUS

Haji Anis Yusal Yusoff

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Sebagai sebuah agensi penguatkuasa yang dipertanggungjawabkan untuk mencegah amalan rasuah, sejauh manakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telus dalam melaksanakan tugasnya? Ini adalah satu soalan yang agak sukar untuk dirungkai dalam erti kata sebenar. Namun, ketelusan bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dipraktikkan.

Apakah yang kita fahami dengan maksud ketelusan? Adakah pemahaman semua orang tentang maksud ketelusan itu sama atau adakah ada orang yang mempunyai ekspektasi yang lebih tinggi kepada maksud perkataan 'ketelusan' ini.

Ketelusan daripada perkataan asal 'telus' membawa maksud terus terang, terbuka, jujur dan ikhlas. Maksudnya apa juga yang dilakukan oleh sesebuah agensi kerajaan, pada pandangan orang ramai patut dikongsi bersama. Itu yang kebanyakan orang mahukan.

Hakikatnya tidak begitu. Kita sedia maklum, setiap agensi kerajaan di negara ini terikat dengan Akta Rahsia Rasmi yang diperuntukan untuk menjaga kerahsian demi menjamin keselamatan sesebuah agensi amnya dan negara khususnya.

Begitu juga dengan SPRM, jawapan kepada persoalan sejauh manakah ketelusannya, mungkin tidak dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi semua pihak. Memetik perumpamaan yang diberi oleh Felo Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tuan Haji Anis Yusal Yusoff, yang juga merupakan salah seorang ahli panel penasihat, panel perundingan dan pencegahan rasuah SPRM.

"Kalau seorang perisik itu dikenali oleh orang yang hendak disiasat, maka misi atau siasatan yang hendak dilakukan pastinya gagal" kata beliau lagi

Namun demikian, ini tidak bermakna SPRM tidak boleh bersikap terbuka dalam memberi penerangan kepada perkara-perkara yang boleh mencegah daripada penularan gejala rasuah dalam masyarakat. Cuma daripada sudut operasinya, SPRM juga sama seperti agensi penguatkuasaan yang lain, tidak boleh mendedahkan siasatan ke atas seseorang individu.

Tindakan ini bagi mengelakkan individu tersebut dijatuhkan hukuman oleh masyarakat sebelum disabitkan kesalahannya oleh pihak mahkamah. Ini juga penting bagi melindungi aib individu

terbabit. Seperti yang pernah disebutkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed, "disiasat bukan bererti bersalah".

Bagaimanapun, untuk berlaku adil kepada masyarakat, SPRM boleh melaporkan siasatannya apabila individu terbabit telah didakwa di mahkamah.

Dengan kata lain, bahagian-bahagian di bawah SPRM seperti Siasatan dan Perisikan tentulah tidak boleh telus sepenuhnya kerana jika setiap proses siasatan didedahkan kepada umum, apa maknanya siasatan dan perisikan yang pelaksanaannya memerlukan kerahsiaan dan penyamaran.

Berbalik kepada bab ketelusan, apa yang perlu difahami ramai adalah bahawa sejak tahun 2009, keseluruhan aktiviti SPRM dipantau oleh 5 panel yang setiap satunya dianggotai oleh individu yang dipilih dalam kalangan anggota masyarakat yang datang daripada berbagai latarbelakang dan tidak memihak kepada sesiapa.

Siasatan dan perisikan memerlukan kerahsiaan dan penyamaran



Haji Anis Yusal Yusoff merupakan Felo Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga menjadi ahli panel Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah SPRM.

Lima entiti pemantau itu ialah:

- 1) Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR),
- 2) Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR),
- 3) Jawatankuasa Aduan,
- 4) Panel Penilaian Operasi (PPO), dan
- 5) Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)

Pada masa yang sama, Bahagian Pencegahan SPRM yang terdiri daripada Pendidikan Masyarakat, Pemeriksaan dan Perundingan serta Bahagian Keutuhan Pengurusan yang diketuai oleh Datuk Hajjah Sutinah Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah merupakan entiti yang telus dan berhubung langsung dengan khalayak ramai. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyampaikan mesej kepada segenap lapisan masyarakat merangkumi sektor kerajaan, swasta serta orang awam.

Usaha untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai ini dilakukan melalui ceramah, seminar, pameran, komunikasi bersemuka, promosi media dan malah diskusi meja bulat. Kesemua ini dijadikan sebagai medan perbincangan dan penganalisan isu rasuah, salah-

guna kuasa dan penyelewengan antara SPRM dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Melalui program-program begini juga, SPRM dapat menawarkan khidmat nasihat dan menjalankan kajian terhadap kelemahan amalan, sistem dan prosedur kerja oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan.

Melalui program-program bersama masyarakat ini juga, SPRM dapat menambah keyakinan orang ramai terhadap SPRM dengan memaklumkan masyarakat bagaimana lima panel yang diwujudkan untuk memantau tugas-tugas SPRM ini sebenarnya menjalankan tugas pemantauan bagi pihak orang ramai.

Kesimpulannya, dalam usaha kita untuk bersikap lebih terbuka, kita harus juga


"Disiasat bukan bererti bersalah. Bagaimanapun, untuk berlaku adil kepada masyarakat, SPRM boleh melaporkan siasatannya apabila individu terbabit telah didakwa di mahkamah."

Haji Anis Yusal Yusoff

menguruskan ekspektasi masyarakat. Sebab itu penting untuk dijelaskan lebih awal apa yang kita maksudkan sebagai telus. Pada masa yang sama, kita harus berhati-hati agar kita tidak dilihat cuba untuk melindungi perkara yang sepatutnya menjadi maklumat awam. Di sini perlunya budi bicara oleh pihak pengu-rusan dan harus bijak dalam mengendali sesuatu keadaan.

Pokoknya bukan semua boleh telus. Apa yang dilihat oleh mata, tidak semestinya sama dengan apa yang ditafsirkan. Umpamakan diri sendiri sebagai SPRM. Bolehkah diri sendiri telus kepada semua orang? Jawapannya ada pada diri masing-masing. Andai kata SPRM memperlihatkan segalanya untuk tatapan dan pengetahuan umum, kewujudan SPRM seolah-olah tidak diperlukan lagi.

Apa perlunya siasatan dan operasi di-rahsiakan, jika semuanya sudah di-bongkar. Apa perlunya hakim dan mahkamah untuk mengadili pesalah rasuah, jika hukumannya boleh diadili oleh masyarakat umum. Apa gunanya cerdik pandai memantau SPRM, jika segala tindakan mereka dipersoalkan.



MENINGKATKAN PROFESIONALISME DALAM SPRM

Datuk Mohd Nor Abdullah,
Pengerusi, Jawatankuasa Aduan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah antara agensi yang mempunyai kredibiliti tinggi.

Walau pun pada suatu ketika kredibilitinya pernah tercabar, imejnya sebagai sebuah suruhanjaya dipertikai, tahap profesionalisme pegawai-pegawainya turut dipersoal, ditambah pula dengan persepsi umum yang melabelkan SPRM hanya menangkap ikan bilis dan membiarkan jerung terus bermaharajalela, malah dianggap gagal menangani isu rasuah keseluruhan sehingga berlaku kemerosotan skor Indeks Persepsi Rasuah yang begitu ketara.

SPRM sebenarnya masih tetap dengan visi dan misinya yang kukuh tanpa mempedulikan apa jua tanggapan negatif yang dilemparkan terhadapnya.

Justeru bagi mengekalkan kredibiliti pegawai-pegawai SPRM, Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan selaras dengan penjenamaan semula Badan Pencegah Rasuah (BPR) adalah satu dari lima panel yang fungsinya untuk memantau pengendalian oleh SPRM akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawainya. Salah laku yang tidak bersifat

jenayah ini bermaksud kesalahan yang melibatkan pentadbiran, kerenah birokratik dan juga sikap pegawai-pegawai SPRM.

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja SPRM yang mungkin akan menimbulkan aduan, dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja SPRM sebagaimana yang sepatutnya.

Selaras dengan transformasi daripada BPR kepada SPRM, satu penstrukturan semula telah pun dilakukan bagi meningkatkan profesionalisme dan imej seluruh pegawai-pegawai SPRM.

Pengerusi Jawatankuasa Aduan SPRM, Datuk Mohd Nor Abdullah berpendapat, untuk meningkatkan profesionalisme SPRM, yang pertamanya mestilah bermula dengan pengambilan anggota suruhanjaya.

Pada peringkat awal penubuhannya iaitu semasa dikenali sebagai BPR, ia menggunakan khidmat penguatkuasa dari agensi lain seperti polis, imigresen, kastam dan sebagainya.

“Oleh kerana kita menganggap SPRM ini seperti kain putih, jadi

kita membuat keputusan untuk melantik dan melatih pegawai kita sendiri. Bukan tidak percaya kepada pengalaman yang dimiliki oleh bekas-bekas anggota penguatkuasa lain tetapi pengalaman yang mereka miliki ada yang baik dan ada yang buruk. Mereka pandai bekerja dan mereka juga pandai mencari duit. Yang pandai mencari duit ini yang kita tidak mahu kerana sifat-sifat beginilah yang akan memberikan pandangan negatif kepada SPRM sekaligus menjatuhkan profesionalisme SPRM,” Mohd Nor berkata.

SPRM bukan seperti badan kerajaan yang lain. SPRM merupakan satu suruhanjaya yang bebas dari pengaruh-pengaruh lain. Malahan kita memiliki badan disiplin sendiri.

Sebagai contoh, bagaimanakah tentera Jerman boleh menjadi kuat semasa Perang Dunia Kedua?

Menurut Mohd Nor ini adalah kerana pihak Nazi sentiasa memantau askar-askarnya dan menghantar laporan prestasi mereka terus kepada Hitler. Sekiranya askar-askar tersebut melakukan kesalahan, mereka akan dihukum.

“Begitu jugalah peranan SPRM.

Sepatutnya timbul perasaan gerun apabila SPRM masuk ke sesuatu jabatan. Bukan gerun disebabkan SPRM, tetapi gerun kerana integriti dan disiplin pegawai SPRM yang tidak boleh disangkal. Ini hanya boleh terjadi sekiranya SPRM melatih anggotanya sendiri dengan memberi pendedahan secukupnya,” tambah beliau.

Dari segi latihan, pegawai-pegawai SPRM wajib mahir dan memahami sepenuhnya undang-undang di bawah Akta SPRM 2009. Setiap pegawai baru mesti didehalkan kepada fungsi-fungsi dan tugas-tugas SPRM supaya mereka menjadi profesional di dalam kerjaya masing-masing. Janganlah pendedahan dilakukan hanya pada satu bahagian sahaja.

Pendedahan menyeluruh mengenai pencegahan rasuah di SPRM sangat penting supaya pegawai-pegawai ini boleh bertugas di mana-mana bahagian SPRM yang diperlukan.

Ditanya mengenai kekalahan kes berprofil tinggi, Mohd Nor menerangkan terdapat banyak punca SPRM kalah.

“Salah satu darinya adalah disebabkan saksi utama belot dalam sesi perbicaraan kes berprofil

tinggi kerana telah menerima sogokan,” kata Mohd Nor.

Akibatnya persepsi orang ramai terhadap SPRM merosot dan beranggapan bahawa SPRM kurang cekap dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Mohd Nor berpendapat, SPRM perlu melantik konsultan dari luar yang berpengalaman seperti Datuk Kadir dan bekas-bekas hakim yang sudah bersara untuk mengkaji kelemahan kes-kes yang kalah. Ini adalah kerana dalam kes-kes berprofil tinggi, kebanyakan tertuduh mampu untuk mengupah peguam yang hebat.

Ketika ditanya mengenai imej SPRM pula, Datuk Mohd Nor menjawab, “SPRM merupakan satu suruhanjaya yang bertaraf dunia. Jadi, ia haruslah bermula daripada pengurusan atasan.”

Sebagai contoh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kasim cukup menjaga personalitinya

dan secara tidak langsung orang-orang bawahannya turut mencontohi sikap beliau.

Bagaimanakah kita boleh menanam sifat bertanggungjawab dalam jiwa kakitangan SPRM?

“Intipati yang penting adalah dengan menanam perasaan kekitaan (sense of belonging) di mana setiap anggota dan kakitangan SPRM merasakan berkhidmat dengan SPRM merupakan satu kebanggaan dan berasa bertanggungjawab menjaga imej dan nama baik SPRM. Namun begitu SPRM tidak lepas dari melakukan kesilapan. Walaubagaimanapun, masih belum terlambat untuk membentuk SPRM menjadi salah satu suruhanjaya yang berjaya suatu hari nanti, kerana jika diukur daripada pencapaian selama hampir empat tahun ini, SPRM sebenarnya telah berjaya mengawal dan menangani masalah rasuah di negara ini,” kata Mohd Nor.

“Intipati yang penting adalah dengan menanam perasaan kekitaan (sense of belonging) di mana setiap anggota dan kakitangan SPRM merasakan berkhidmat dengan SPRM merupakan satu kebanggaan dan berasa bertanggungjawab menjaga imej dan nama baik SPRM”

Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik

Meningkatkan Integriti di Agensi-agensi Kerajaan



Untuk meningkatkan integriti di agensi-agensi kerajaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memperkenalkan Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik (e-STK).

e-STK adalah satu proses tapisan dalam talian untuk memastikan calon yang akan memegang jawatan penting dan strategik di jabatan dan agensi kerajaan adalah berkecayaan, berpengalaman dan berintegriti tinggi.

e-STK adalah disarankan bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Sistem ini kelak akan diperluaskan kepada semua 500 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan 200 syarikat di bawah Kementerian Kewangan yang Diperbadankan (MoF Inc).

e-STK juga akan dilakukan ke atas mereka yang berjawatan

penting dalam syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan kerajaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa mereka mempunyai kecayaan akademik, pengalaman atau kepakaran yang sesuai.

Hasil daripada proses yang ketat dan menyeluruh ini, 141 calon didapati tidak memenuhi ketetapan pada tahun lepas,

dan 99 calon lagi mendapat keputusan 'Tidak Disokong' oleh SPRM dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

e-STK akan mengambil tidak lebih daripada 10 hari bekerja dan SPRM merancang untuk mengurangkannya kepada tiga hari menjelang 2014.

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

Membina Integriti dan Rasa Hormat Terhadap Nilai-Nilai Murni di Tempat Kerja

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) adalah kursus separuh masa yang dijalankan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Ia mengambil masa selama enam bulan dan terdapat dua pengambilan setahun - pada Januari dan Julai.

Objektif CeIO adalah untuk:

- Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur;

- Menyematkan budaya 'zero tolerance' terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan; dan

- Memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pihak pengurusan beliau ditempatkan.

Program Pegawai Integriti melengkapi pelatih dengan kemahiran yang diperlukan untuk mencegah rasuah, penipuan dan penyalahgunaan kuasa di tempat kerja. Ianya bertindak sebagai pemangkin untuk mempertingkatkan integriti dan nilai-nilai murni di dalam sektor awam dan swasta.

Setakat ini MACA berjaya mengeluarkan tiga kumpulan siswazah di bawah Program CeIO.

Siapa perlu hadir?

Program ini terbuka kepada pegawai Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Sektor Swasta yang :

- Dicalonkan oleh organisasi

- Mempunyai ciri integriti dan etika yang tinggi

- Mempunyai pengalaman kerja tidak kurang dari lima tahun dan menunjukkan prestasi yang cemerlang

- Pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional atau setaraf dengannya

- Perakuan dan sokongan dari badan-badan tertentu (jika ada)

Walau bagaimanapun, seseorang pegawai yang telah dicalonkan oleh sesuatu organisasi mesti lulus proses tapisan keutuhan oleh SPRM/ PDRM/ Bahagian Keselamatan/ BPA/ JPA dan Insolvency sebelum beliau boleh diterima.



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (duduk, tengah) bergambar dengan penerima sijil Program Pegawai Integriti Bertauliah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan (duduk, kiri) dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed (duduk, kanan).



SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR-IPT) MEMUPUK BUDAYA ANTI RASUAH DI DALAM BELIA KITA

Penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR-IPT) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah antara inisiatif paling penting yang diperkenalkan. Ianya adalah untuk mendidik warga kampus serta mendapatkan dan memelihara sokongan mereka dalam usaha memerangi dan membenci rasuah.

Sehingga kini, sebanyak 20 IPT telah menubuhkan SPR-IPT di kampus mereka yang mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

1. Menerapkan nilai anti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di kalangan pelajar IPT.
2. Mendedahkan pelajar-pelajar IPT kepada program-program pencegahan rasuah.
3. Menjadikan pelajar-pelajar IPT sebagai penyampai mesej anti rasuah kepada masyarakat kampus dan luar kampus.
4. Meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap nilai-nilai integriti semasa menjalankan tugas.
5. Mendidik dan mendedahkan pelajar-pelajar IPT kepada pelaksanaan program-program kemasyarakatan yang menekankan kepada penghayatan nilai-nilai murni.
6. Mewujudkan pusat rujukan ilmiah mengenai kesalahan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta peranan SPRM dalam menangani jenayah ini.
7. Meningkatkan kerjasama dua hala di

antara SPRM dan IPT

Dalam menjalankan objektif ini, SPR-IPT;

- Menyelaras pelaksanaan program pencegahan rasuah yang dianjurkan oleh SPRM atau persatuan pelajar.
- Memberi bimbingan dan maklumat tentang bagaimana untuk menganjurkan program-program pencegahan rasuah dan aktiviti berkaitan.
- Berkhidmat sebagai Penyelaras bagi Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT, SPRM dan pelajar dalam menganjurkan program pencegahan rasuah.
- Menghasilkan bahan penerbitan seperti bunting, pelekat, brosur / risalah dan bahan-bahan penerbitan yang lain.
- Bertindak sebagai pusat untuk aktiviti pelajar

SPRM telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memperluaskan SPR ke Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara, di samping menerapkan unsur-unsur anti rasuah, integriti, dan nilai-nilai murni dalam kurikulum di sekolah rendah dan menengah.

Pada November 2011, satu majlis konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) IPT 2011 telah berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selama tiga hari. Program ini membawa tema 'Memperkuh Jati Diri Memerangi Rasuah'. Tujuan konvensyen itu adalah untuk mengajak warga kampus menyertai SPRM dalam usaha memerangi dan membenci rasuah, penyalahgunaan


kuasa, dan penyelewengan di negara ini.

Lapan resolusi telah dihasilkan pada konvensyen kali ini dan diserahkan kepada Timbalan Pesuruhjaya SPRM (Pencegahan) Datuk Sutinah Sutan, untuk dipanjangkan ke peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Resolusi-resolusi itu ialah:

1. IPT akan bertindak sebagai agen pendidikan dengan menubuhkan Sahabat SPR.
2. Menggabungkan modul pendidikan rasuah sebagai sebahagian daripada kurikulum di IPT.
3. Mempertingkatkan pendidikan anti rasuah melalui saluran media secara menyeluruh.
4. Mewajibkan mahasiswa melibatkan diri dalam kajian integriti sebelum bergraduasi.
5. Melantik SPRM sebagai pemerhati dan pemantau pada pilihanraya kampus.
6. Menyeru ahli-ahli politik dan rakyat bersikap neutral dalam memastikan siasatan SPRM adalah bebas, telus dan profesional.
7. Menyeragamkan imej SPR-IPTA
8. Menyeru Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk mengutamakan calon-calon ALUMNI SPR-IPT dalam proses pengambilan pegawai-pegawai SPRM.

STATISTIK TANGKAPAN

Januari hingga
Oktober 2012



SEKTOR	JUMLAH ORANG	PERATUSAN (%)
■ Penjawat Awam ☐ Pengurusan Tertinggi ☐ Pengurusan & Profesional ☐ Kumpulan Sokongan	244	39.87%
■ Awam ☐ Sektor Swasta ☐ Orang Awam ☐ Ahli Majlis ☐ Ahli Politik	368	60.13%
JUMLAH	612	100%

SPRM KUKUHKAN KERJASAMA DENGAN BMR

K

UALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Biro Mencegah Rasuah Brunei Darussalam (BMR) telah bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama 20 tahun mereka untuk memerangi rasuah melangkaui sempadan pada bulan Julai baru-baru ini.

Jenayah melangkaui sempadan di Brunei, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan biasanya melibatkan pemerdagangan wanita dan pekerja asing dari Filipina dan Indonesia, penyeludupan minyak dari Brunei ke Malaysia; dan penyeludupan kenderaan.

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohamed, kerjasama antara kedua-dua pihak berkuasa anti rasuah adalah penting dalam membendung jenayah melangkaui sempadan.

“Sejak 2008, SPRM dan BMR secara usahasama telah mengendalikan tujuh operasi anti rasuah sehingga mengakibatkan 34 anggota sindiket di mana 21 daripada mereka adalah pegawai penguatkuasa dari kedua-dua negara kini didakwa di mahkamah dan selebihnya dikenakan tindakan tatatertib,” kata Abu Kassim

“Operasi usahasama kami iaitu ‘Ops Jarum’ telah melumpuhkan amalan menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan minyak dari Kuala Belait di Brunei ke Miri di Sarawak, melalui Pos Kawalan Sungai Tujuh” tambahnya.

Sementara itu, Pengarah BMR, Juanda Rashid melahirkan keyakinan kepada keupayaan dan kerjasama SPRM kedua-dua negara untuk mengelakkan unsur-unsur rasuah dalam jenayah melangkaui sempadan.

Untuk memperingati acara tersebut, 9 Julai lepas, SPRM telah secara rasmi menamakan bilik mesyuarat tersebut sebagai Bilik Brunei.



Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

Meningkatkan Keupayaan Dan Profesionalisme Pengamal Anti Rasuah Seluruh Dunia

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) adalah yang pertama seumpamanya di rantau Asia-Pasifik. MACA telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 12 April 2007 dengan misi dan objektif berikut.

Misi

- Menerajui pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan;
- Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari;
- Menjalin rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program latihan pencegahan rasuah.

Objektif

- Memantapkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawai SPRM di dalam melaksanakan tugas;
- Mengukuhkan Integriti dan Akauntabiliti pegawai SPRM melalui program latihan yang berkesan dan berterusan;
- Melatih modal insan sektor awam bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha pencegahan rasuah;
- Meningkatkan program latihan pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari bersama sektor swasta;
- Memperluaskan usahasama dan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan, institusi latihan dan badan-badan antarabangsa;
- Menganjurkan program pembangunan kapasiti dan kapabiliti bagi masyarakat global.

MACA mempunyai lembaga penasihat yang anggotanya terdiri daripada panel antarabangsa yang pakar mengenai inisiatif anti rasuah. Akademi ini menawarkan lebih

daripada 50 kursus dalam pelbagai bidang, termasuk penyiasatan, pendakwaan, perisikan dan pencegahan kepada pengamal anti rasuah dari seluruh dunia begitu juga pegawai SPRM dan agensi-agensi kerajaan Malaysia yang berkaitan melalui empat sekolah dan empat pusat yang terdiri daripada:

1. Penyiasatan
2. Perisikan
3. Perundangan dan Pendakwaan
4. Pencegahan Rasuah dan Pengurusan
5. Pusat Pembangunan Integriti Korporat
6. Pusat Pengajian Antarabangsa
7. Pusat Latihan Asas
8. Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat

SPRM baru-baru ini telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) untuk bersama-sama membangunkan program sarjana antarabangsa. Program untuk profesional, pegawai-pegawai polis, hakim dan pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan yang lain yang memakan masa selama 24-bulan ini akan dilancarkan pada 9 Dis 2012 sempena Hari Anti Rasuah Sedunia. Program pembelajaran anti rasuah global ini bakal menjadi program yang pertama seumpamanya dan sebahagian daripada modulnya akan dijalankan di MACA.

Setakat ini, MACA telah menjalankan 20 kursus peringkat antarabangsa dan melatih kira-kira 500 pegawai anti rasuah dari pelbagai negara.

Penubuhan akademi ini adalah bukti komitmen kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah dan menyumbang kepada usaha membanteras rasuah secara global.

Kursus yang ditawarkan pada tahun 2012

JENIS KURSUS	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PESERTA
Kursus Pegawai SPRM	4	53
Kursus untuk Agensi Kerajaan	2	29
Kursus Kerjasama Strategik	3	47
Kursus Luar Kampus	2	51
JUMLAH	11	180



Orang yang benar-benar jujur tidak akan:

Berdiam diri kepada rasuah

Pejamkan mata kepada rasuah

Pekakkan telinga kepada aduan

Yang mana satu anda?

Di Mahkamah

Pegawai-Pegawai Pendakwa SPRM Mendakwa Pesalah-Pesalah Rasuah

SHAH ALAM, 25 Sept – Empat pegawai Imigresen termasuk seorang wanita masing-masing dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM361,400 oleh Mahkamah Sesyen hari ini selepas didapati bersalah memperoleh rasuah daripada pemandu feri dan orang perantara membabitkan nilai keseluruhan RM86,850 pada 2010. Kesemua tertuduh yang ketika kejadian bertugas di bahagian Perkapalan Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Klang didakwa memperoleh wang suapan itu yang dimasukkan ke dalam akaun mereka atau individu lain sebagai upah bagi memudahkan urusan kemasukan penumpang warga Indonesia ke negara ini tanpa perlu mematuhi syarat ditetapkan. Hakim Asmadi Hussin menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM361,400 ke atas Md Shahrizal Che Dan, 27, selepas dia didapati bersalah terhadap 31 pertuduhan memperoleh suapan berjumlah RM51,760. Mohamad Izuwansyah Samsuri, 26, pula dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM261,950 selepas didapati bersalah terhadap 25 pertuduhan memperoleh suapan berjumlah RM31,690. Dia didakwa melakukan perbuatan itu di CIMB Bank Cawangan Pelabuhan Klang dan Stesen Minyak Petronas, Jalan Pandangan, Klang antara 21 April hingga 17 Jun 2010. Mohamad Izuwansyah juga boleh dipenjarakan 25 tahun dan enam bulan lagi sekiranya dia gagal membayar denda.

Selain itu, Nor Shahazlina Sulaiman, 26, dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM14,500 atau setahun penjara sekiranya gagal membayar denda selepas didapati bersalah memperoleh suapan berjumlah RM2,900 pada 29 Ogos lepas, di Maybank Cawangan Pandamaran, Klang, antara 10 malam hingga 12 tengah malam, 29 Ogos 2010. Sementara Mohammad Huzzail Ahmad, 32, dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal membayar denda selepas didapati bersalah memperoleh suapan RM500 di depan sebuah rumah di Persiaran Seraya, Taman Palm Grove, Klang, pada 25 Sept 2010. Keempat-empat tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 dan dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi. Hakim Asmadi membenarkan permohonan keempat-empat tertuduh untuk penangguhan pelaksanaan hukuman penjara sementara menunggu proses rayuan di Mahkamah Tinggi tetapi menolak permohonan mereka untuk menangguhkan pembayaran denda.

Beliau turut memerintahkan mereka melapor diri di pejabat SPRM Selangor pada Ahad pertama setiap bulan dan menaikkan jumlah jaminan setiap tertuduh kepada RM20,000 dengan seorang penjamin. Timbalan Pendakwa Raya SPRM Nik Haslinie Hashim memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat dan setimpal ke atas keempat-empat tertuduh atas alasan kesalahan mereka amat serius kerana mencemarkan maruah negara dan imej serta integriti penjawat awam di negara ini.

SHAH ALAM, 19 Sept – Seorang inspektor polis dihukum penjara lima tahun dan denda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas didapati bersalah menerima suapan RM5,000 daripada seorang suspek kes samun, tiga tahun lepas. Hakim Mat Ghani Abdullah menjatuhkan hukuman itu selepas berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah. Mat Ghani juga memerintahkan tertuduh, Mohd Firdaus Mohd Japar, 26, menjalani hukuman penjara 25 bulan lagi sekiranya dia gagal membayar denda.

Beliau bagaimanapun membenarkan permohonan tertuduh untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara dan denda sementara menunggu proses rayuan di Mahkamah Tinggi tetapi menaikkan jumlah jaminan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Mohd Firdaus didakwa menerima RM5,000 daripada Mohd Noorsham Sapingai, 30, untuk menyelesaikan kes lelaki itu yang ditahan sebagai suspek kes samun dan rompak dengan bantuan Timbalan Pendakwa Raya di Kompleks Kraf Jalan Conlay, Kuala Lumpur, 5 petang pada 21 Mac 2009.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, atau mana yang lebih tinggi. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Nik Haslinie Hashim dan Yusliza Mohd Yusof.

Di Mahkamah

Rayuan Majistret Ditolak

PUTRAJAYA – Mahkamah Rayuan dianggotai tiga hakim terdiri daripada Datuk Jeffrey Tan Kok Wha, Datuk Abdul Wahab Patail dan Mah Weng Kwai hari ini menolak rayuan seorang bekas Majistret Kuala Krai, Kelantan yang didapati bersalah kerana meminta dan menerima suapan RM8,000 dari seorang bekas penagih dadah.

Ketiga-tiga Hakim sebaliknya mengekalkan hukuman enam tahun penjara (tiga tahun bagi setiap pertuduhan) dan denda RM40,000 terhadap tertuduh, Mohd. Firdaus Ramlan 29 tahun yang telah diputuskan oleh mahkamah Sesyen Kota Bharu pada 3 Oktober 2010.

Hakim Mahkamah Sesyen, Sabariah Othman ketika menjatuhkan hukum menetapkan, Mohd. Firdaus dipenjarakan tiga tahun dan denda RM15,000 bagi pertuduhan pertama dan jika gagal membayarnya, tertuduh boleh dikenakan penjara 12 bulan manakala bagi pertuduhan kedua, Mohd. Firdaus dijatuhi hukuman tiga tahun penjara dan denda RM25,000 dan penjara 18 bulan jika gagal membayarnya. Hukuman penjara berjalan serentak.

Pada 11 Oktober 2009 lebih kurang jam 10.30 malam, Mohd Firdaus didakwa menerima rasuah wang tunai RM3,000 di stesen minyak ESSO, Machang daripada Md Shani Ishak sebagai dorongan melepaskan lelaki itu daripada kesalahan jenayah yang dilakukannya.

Sebelum itu, Pada 6 Oktober 2009 di bilik majistret, Mahkamah Majistret Kuala Krai, Mohd. Firdaus didakwa telah meminta rasuah RM5,000 daripada Md Shani atas tujuan yang sama. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM Datuk Abdul Razak Musa dan tertuduh diwakili peguam Datuk Sukri Mohamed.

Pemberi Rasuah Terima Balasan

JOHOR BAHRU – Dua orang awam yang memberi rasuah kepada seorang Pegawai Polis dari Cawangan D7, Bahagian Kongsi Gelap Perjudian dan Maksiat, Ibu Pejabat Kontinjen Johor masing-masing menerima hukuman penjara dan denda kerana kesalahan di bawah seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Di Mahkamah Sesyen Jenayah Rasuah 4 Johor Bahru, Gan Kim Hoat dijatuhi hukuman penjara satu hari dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara kerana menawarkan rasuah RM1,000 kepada ASP Mohd. Ali bin Ahmad, manakala Liow Eek Chong dipenjarakan satu hari dan denda RM16,000 atau enam bulan penjara atas kesalahan memberi rasuah wang tunai RM3,050.00 kepada Pegawai Polis yang sama sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap mereka yang menggajikan warga asing tanpa permit selain disyaki menjadi orang tengah di dalam aktiviti persundalan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Penolong Kanan Penguasa Haji Mohd. Sajori Martubi dihadapan Hakim Mohd. Haldar Abdul Aziz. Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Sokongan Ahli Politik Kepada SPRM Sangat Penting

Campur tangan berterusan oleh pihak ketiga akan menyebabkan usaha mendapatkan keyakinan orang awam menjadi sia-sia



KUALA LUMPUR – Ahli politik Malaysia dari semua parti mesti mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Bekas Pesuruhjaya Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah Hong Kong (ICAC) Bertrand de Speville menegaskan bahawa SPRM harus dibenarkan untuk meneruskan tugas mereka dalam melaksanakan strategi anti rasuah kebangsaan tanpa perlu berhadapan dengan sebarang campur tangan politik.

Walaupun ahli-ahli politik boleh mempersoalkan Laporan Tahunan SPRM di Parlimen, mereka tidak seharusnya mempertikaikan tindakan SPRM dalam menjalankan siasatan terhadap mana-mana kes tertentu, kata de Speville. “Tindakan sedemikian akan menjejaskan kebebasan dan autonomi siasatan SPRM dan ini akan memudaratkan negara,” tambah beliau.

Sejak meninggalkan jawatannya sebagai Pesuruhjaya ICAC Hong Kong pada tahun 1996, de Speville telah memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan-kerajaan dan organisasi-organisasi antarabangsa mengenai pelbagai aspek dasar dan amalan anti rasuah. Dari tahun 1997-2003, beliau adalah penasihat kepada Council of Europe's Multidisciplinary Group on Corruption.

de Speville memuji SPRM kerana bertanggungjawab kepada wakil orang awam dan beliau menyatakan bahawa ianya sangat penting bagi SPRM untuk mempunyai rakan kalangan masyarakat setempat.

Beliau menjelaskan bahawa ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berkhidmat sebagai duta kepada orang awam kerana mereka adalah saksi pertama kepada inisiatif-inisiatif yang diambil oleh SPRM.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah bukan sahaja berperanan sebagai sumber nasihat tetapi ia juga berfungsi dalam memberi keseimbangan (check and balance) kepada SPRM.

Lembaga ini berperanan untuk memantau SPRM bagi pihak masyarakat dan ahli lembaga dapat mengukur tahap prestasi SPRM,” kata de Speville semasa lawatan ke SPRM baru-baru ini.

Ini akan membantu dalam mendapatkan dan mengekalkan sokongan orang awam dalam apa jua tindakan yang diambil oleh SPRM untuk memperolehi kejayaan dalam memerangi rasuah, katanya



Sejak meninggalkan jawatannya sebagai Pesuruhjaya ICAC Hong Kong pada tahun 1996, de Speville telah memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan-kerajaan dan organisasi-organisasi antarabangsa mengenai pelbagai aspek dasar dan amalan anti rasuah. Dari tahun 1997-2003, beliau adalah penasihat kepada Council of Europe's Multidisciplinary Group on Corruption.

Rasuah adalah lebih buruk daripada pelacuran, pelacuran membahayakan moral individu; manakala rasuah membahayakan moral seluruh negara.

Karl Kraus (1874-1936)

Penulis satira, drama dan penyair Austria

Yang Menarik

Perang ke atas Rasuah Mendapat Sokongan Awam di Terengganu

BESUT - Pengarah SPRM Terengganu Md Yusof Md Zin berkata kempen kesedaran SPRM yang melibatkan ceramah dan taklimat kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti politik di negeri ini telah membuahkan hasil. Hampir 20 peratus daripada penjawat awam di sini telah membuat laporan terhadap mereka yang cuba memberi rasuah. Menurut Md Yusof, peniaga dan pekedai yang dipaksa untuk membayar wang perlindungan juga digesa untuk membuat laporan terhadap pelaku dengan SPRM.



Pengarah SPRM Terengganu Md Yusof Md Zin

Modul Integriti Akan Diperkenalkan Di Sekolah

KUALA LUMPUR - SPRM telah membentangkan cadangan supaya modul integriti dan pencegahan rasuah dimasukkan ke dalam kurikulum bagi mata pelajaran pendidikan agama, sivik dan moral di sekolah rendah dan menengah tahun depan. Modul ini bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni seperti kejujuran, amanah, keikhlasan dan integriti serta mencegah pelajar daripada terlibat dalam amalan rasuah apabila mereka mula bekerja kelak. SPRM juga telah berbincang dengan Institut Pendidikan Guru bagi menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR-IPG) di 27 pusat latihan guru di seluruh negara bagi menyediakan guru dengan sokongan penuh untuk kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran mengenai integriti dan pencegahan rasuah.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan menyempurnakan pelancaran 'Kempen Perangi Rasuah Melalui Teksi'

Pemandu Teksi KL Bantu Sebar Mesej Anti Rasuah

KUALA LUMPUR - SPRM telah mendapatkan bantuan daripada pemandu teksi di Kuala Lumpur untuk menyebarkan mesej anti rasuah kepada orang awam di Lembah Klang. Di bawah 'Kempen Perangi Rasuah Melalui Teksi' yang telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan pada bulan September lepas. Kempen ini melibatkan 450 teksi dari Syarikat V2 Innovates yang menjadi duta kecil bagi mempromosikan kempen SPRM menerusi 'sticker' yang dilekatkan di bahagian belakang teksi dengan slogan 'Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah', 'www.sprm.gov.my' dan '1-800-88-6000'. Kempen berlangsung untuk tempoh 3 bulan dari September hingga November 2012.

Inisiatif Anti Rasuah Malaysia Peroleh Pengiktirafan Antarabangsa

PETALING JAYA - Inisiatif anti rasuah Malaysia telah menerima pengiktirafan sebagai model untuk usaha anti rasuah oleh pengasas bersama Transparency International Michael J. Hershman. Dalam artikel yang disiarkan di Huffington Post pada 22 Jun, Hershman mencadangkan bahawa Malaysia sesuai dijadikan model oleh negara-negara Timur Tengah dan lain-lain negara yang berisiko tinggi jika mereka serius dalam menangani budaya rasuah.

Walau bagaimanapun, Hershman memberi amaran bahawa isu-isu seperti sumber kewangan, kempen yang tidak dikawal dan undang-undang kebebasan maklumat yang belum mencukupi masih perlu ditangani.



Pengasas bersama Transparency International Michael J. Hershman



Elemen integriti dan pencegahan rasuah akan dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah

Langkah Anti Rasuah Felda Dipuji

KUALA LUMPUR - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) April lepas telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan Persepakatan Integriti (IP) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut Tan Sri Isa Abdul Samad selaku Pengerusi Felda berkata langkah menandatangani CIP dan IP tersebut adalah selaras hasrat Felda yang menyokong Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk membanteras rasuah.

CIP dan IP itu ditandatangani Pemangku Pengurus Besar Felda Datuk Suhaimi Zainuddin, Presiden Kumpulan FGVH Datuk Sabri Ahmad dan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohamed.

Majlis disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Hadir sama Pengerusi Felda Tan Sri Isa Abdul Samad dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan.



“Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak (tiga dari kanan) menyaksikan pertukaran perjanjian persefahaman (MoU) antara Pemangku Pengurus Besar Felda Datuk Suhaimi Zainuddin (kanan) dan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohamed (tiga dari kiri). Hadir sama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan (dua dari kiri), Pengerusi FELDA Tan Sri Isa Abdul Samad (dua dari kanan) dan Presiden Kumpulan FGVH Datuk Sabri Ahmad (kiri). Foto: FotoBERNAMA HAK CIPTA TERPELIHARA

SISTEM GANJARAN KEPADA KONTRAKTOR CEGAH RASUAH DI KALANGAN PETUGAS SPNB

KUALA LUMPUR – Sistem ganjaran Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) kepada kontraktor yang memberi maklumat berhubung gejala rasuah di kalangan petugasnya berupaya mencegah kegiatan itu, kata Pengerusi SPNB Datuk Idris Haron.

Beliau berkata sejak diperkenalkan pada 2010 hingga hari ini, SPNB tidak menerima sebarang laporan mengenai kegiatan rasuah membabitkan petugasnya selepas perlaksanaan sistem ganjaran, yang menghendaki kontraktor melapor terus gejala rasuah kepada beliau atau pengurusan tertinggi SPNB.

“Sebagai ganjaran, mereka akan mendapat kerja baharu dan menjadi kontraktor tetap kami kerana integriti mereka.

“Sistem ini juga memberi kesan terhadap nilai integriti petugas SPNB dengan tidak terbabit dalam sebarang gejala rasuah,” katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat antara Pengarah Urusan SPNB Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Abu Kassim Mohamed.

“Janji saya, jika ada bukti yang cukup dan sahih bahawa petugas SPNB melakukan amalan rasuah di tapak kerja, kita akan beri mereka ganjaran. Akhir-akhir ini, kita menerima respons yang baik daripada kontraktor bahawa persepsi itu berjaya diubah,” katanya.

Idris berkata bagi menangani gejala rasuah di peringkat dalaman, SPNB mewujudkan satu pasukan khas bagi memantau secara dekat setiap proses kerja.

“Ia bagi memastikan sebarang kelonggaran dalam proses kerja seperti penyediaan kertas kerja, bahan kerja, pementauan kerja dan penyelarasan kerja dapat disingkatkan bagi mengelakkan ruang yang boleh menjurus kepada amalan rasuah,” katanya.

Beliau berkata SPNB akan mengadakan ikrar persepakatan integriti sebelum hujung tahun ini bersama kira-kira 5,000 vendor SPNB bagi melaksanakan program pencegahan rasuah dengan lebih berkesan.

Sementara itu, Abu Kassim berkata SPRM menjalin kerjasama dengan syarikat seperti Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia bagi menyediakan kursus kepada vendor, kontraktor mahupun pembekal berhubung amalan serta kegiatan rasuah.

“Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai undang-undang berkaitan rasuah manakala pihak syarikat memperkenalkan dasar dan kod etika syarikat dalam proses mendapatkan kerja, dan ini ditetapkan sebagai satu prosedur yang harus dilalui mereka sekiranya ingin memperbaharui lesen,” katanya.



“Pengerusi SPNB Datuk Idris Haron (tengah) menyaksikan pertukaran perjanjian antara Pengarah Urusan SPNB Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh dan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohamed (kiri) selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman Ikrar Integriti Korporat baru-baru ini. Foto: FotoBERNAMA HAK CIPTA TERPELIHARA

Rasuah Cemari Liga Bola Sepak Malaysia

Sikap Tamak Punca Gejala Rasuah Bola Sepak

KUALA LUMPUR - Sikap tamak haloba sesetengah pemain untuk memperoleh pendapatan lumayan dalam masa singkat menjadi punca mengapa gejala rasuah boleh sepak masih berlaku dalam liga tempatan, demikian luahan pengkritik sukan tanah air Profesor Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim.

Kay Kim yang juga seorang pensyarah di salah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berkata selain sikap tamak haloba, kegagalan pihak berkuasa untuk memantau kegiatan bookie dalam sukan tersebut menjadi penyebab mengapa bola sepak negara masih dibelenggu dengan gejala tidak sihat itu.

Beliau bagaimanapun memuji inisiatif Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang telah menubuhkan pasukan petugas khas yang diletakkan di bawah Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan dan dipengerusikan oleh Tan Sri Aseh Che Mat. bagi menangani rasuah dan caturan perlawanan (match fixing) baru-baru ini.

Melalui jawatankuasa tersebut, FAM akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani rasuah dengan menggunakan pendekatan 3E (Pendidikan, Pembabitian dan Penguatkuasaan).

"Dulu SPRM dan PDRM tidak menumpukan perhatian dalam hal ini kerana beranggapan ianya bukan masalah besar. Tetapi bila ia sudah jelas tidak boleh dikawal, tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani perkara ini jelas tepat pada masanya sebelum prestasi sukan ini terus merosot," kata Kay Kim. Gejala rasuah kembali menghantui bola

sepak negara apabila beberapa pemain Perlis disoal siasat oleh SPRM kerana dikatakan terlibat dalam skandal mengatur perlawanan sehingga menyebabkan kekalahan pasukan tersebut kepada MP Muar, 2-7, Januari lepas.

FAM sebagai badan induk bola sepak negara yang mahu menyekat perkara tersebut daripada terus menular dalam liga tempatan mengambil tindakan tegas dengan mengumumkan penggantungan seumur hidup ke atas bekas jurulatih skuad Piala Presiden Negeri Sembilan Yusarman Yusof.

Selain Yusarman, 11 bekas pemain skuad tersebut turut digantung antara setahun sehingga lima tahun selain tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang aktiviti bola sepak berkuatkuasa Nov 2011. Pegawai dan pemain-pemain skuad Piala Presiden SDM Navy 2011, skuad Piala Presiden MP Muar FC 2011 serta skuad Piala Presiden T-Team 2010 turut menerima padah apabila digantung sementara menunggu keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib FAM dalam masa terdekat.

Aseh juga mendedahkan tiga pasukan Liga Super sedang disiasat oleh FAM kerana dikatakan terlibat dalam mengatur perlawanan musim ini.



Sifat tamak pemain dan kegagalan pihak berkuasa untuk memantau aktiviti 'bookies' telah membawa kepada penularan rasuah bola sepak di Malaysia, kata Profesor Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim

Sharbinee Bebas Daripada Tuduhan Menjual Permainan

KUALA TERENGGANU - Penjaga gol utama Terengganu, Mohd Sharbinee Allawee Ramli meluahkan rasa lega apabila disahkan bebas daripada dakwaan 'menjual perlawanan' ketika skuad Penyu menentang Kedah dalam saingan Piala Malaysia, pada 1 Sept lalu. Keputusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tersebut, sekali gus merungkai segala persoalan dan membersihkan nama penjaga gol Terengganu itu.

"Saya sangat berterima kasih kepada semua orang yang membantu dalam membersihkan nama saya. Sejak mula lagi, saya telah bertegas tidak terlibat dan dengan keputusan ini, ia membuktikan saya bersih. "Selain itu, saya juga berpuas hati dengan siasatan yang dilakukan secara terperinci dan menyeluruh SPRM," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabat Persatuan Bolasepak Negeri Terengganu (PBSNT) baru-baru ini. Rentetan itu, bekas penjaga gol kebangsaan itu turut berharap agar orang ramai tidak 'menghukum' dengan sewenang-wenangnya sebelum siasatan terperinci dilakukan. Beliau yang dijangka meninggalkan skuad Penyu berkata segala keputusan untuk keluar dari kem Terengganu itu diteliti dan dinilai terlebih dahulu, sebelum membuat keputusan muktamad. Sementara itu Presiden PBSNT, Datuk Che Mat Jusoh berkata beliau bersyukur apabila Mohd Sharbinee didapati bebas daripada dakwaan tersebut.

"Bagaimanapun, Mohd Sharbinee meminta untuk dilepaskan daripada skuad Terengganu dan saya faham situasinya serta kita ber-setuju dia ambil angin di tempat lain dan ingin melihat dia berjaya dalam karier," katanya.



Mohd Sharbinee bersih selepas lulus ujian polygraph yang dijalankan oleh SPRM

Renungan

Seseorang itu harus berhati-hati terhadap mereka yang tidak boleh berbuat apa-apa tanpa wang, dan mereka yang mahu melakukan segala-galanya dengan wang.
Indira Gandhi

"Terima kasih kerana menyokong SPRM memerangi rasuah"

- Daripada Pengurusan Tertinggi SPRM




Datuk Zakaria Jaffar
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan & Profesionalisme)

Datuk Mohd Shari Abdul
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)

Datuk Sri Abu Kasim Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Datuk Surinah Syah
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan)



BARIS ■ TILIS ■ PROFESIONAL

Email: info@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
SMS : 019 6000 696

Anda
Makin Laju dan Berkesan
PERANGI
Rasuah

